

Indeks jenayah turun lima peratus

Berita Harian 16 DEC 2010 M/S 8

Masyarakat makin ambil berat situasi berlaku di sekeliling

MELAKA: Kadar indeks jenayah yang dicatat di negeri ini sehingga bulan lalu menunjuk penurunan positif iaitu hampir lima peratus berbanding tahun lalu, kata Ketua Polis negeri, Datuk Chuah Ghee Lye.

Beliau berkata, perkembangan itu menunjukkan masyarakat negeri ini semakin mengambil berat situasi jenayah yang berlaku di sekeliling mereka, sekali gus mahu melihat Melaka terus bebas dari masalah itu.

“Jika masyarakat hanya mengharapkan penyelesaian dilakukan polis saja dalam hal berkaitan jenayah, pasti penurunan ini tidak dapat dilaksanakan. Sebab itu, kita tidak mahu masyarakat berdiam diri dan sebaliknya sentiasa bekerjasama dengan kami.

“Kita percaya berkat sokongan diberikan semua pihak, kadar indeks ini akan terus menurun pada tahun depan,” katanya ketika ditemui selepas perasmian program Polis Kemasyarakatan Kontinjen Melaka Bersama Cegah Jenayah, di Dataran Sejarah Ayer Keroh, dekat sini.

Perasmian disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Omar Kaseh yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Program antara lain bertujuan memberi pendedahan dan

menyedarkan masyarakat mengenai tanggungjawab mereka supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada polis, selain mengajar mengenai langkah yang perlu diambil bagi meng-

lak menjadi mangsa jenayah.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Ketua Polis negeri, Asisten Komisioner Mohd Ab Rahman Harun dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran

Hang Tuah Jaya, Kamarudin Md Shah.

Chuah berkata, maklumat yang disampaikan masyarakat sangat diperlukan kerana ia boleh menghasilkan kejayaan

berterusan dalam menangani jenayah di negeri ini.

Beliau berkata, setakat ini, polis sudah mengadakan pelbagai aktiviti termasuk dialog dengan badan bukan kerajaan

“Jika masyarakat hanya mengharapkan penyelesaian dilakukan polis saja dalam hal berkaitan jenayah, pasti penurunan ini tidak dapat dilaksanakan”

Chuah Ghee Lye
Ketua Polis Negeri

(NGO), persatuan penduduk dan terbaru melancarkan kelab seminar pencegahan jenayah membabitkan pelajar.

Katanya, banyak kejadian jenayah sering berlaku membabitkan kecuaiannya sendiri seperti meninggalkan barang berharga di dalam kereta walaupun dalam tempoh sementara, sehingga menyebabkan kenderaan dipecah masuk.

“Di negeri ini, kes kecurian motosikal masih tinggi dan langkah yang diambil polis adalah meningkatkan kehadiran anggota serta menubuhkan pasukan menjejak penjenayah ini,” katanya.



OMAR (kanan) menyampaikan plak penghargaan kepada anggota polis yang terbabit dalam pertunjukan keselamatan pada program Komuniti Polis Kontinjen Melaka Bersama Cegah Jenayah di Dataran Sejarah Ayer Keroh.

SAADIAH ISMAIL | BERITA HARIAN